

Ucapan : ADHO

509

128/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran
Enche Hussein Onn di-upachara
pertandingan akhir bakat kanak2
4.11.71 pukul 2.00 petang.

399 - 18/80

Saya merasa amat sukachita pada petang ini kerana dapat bersama2 tuan2 dan puan2 dan juga murid2, di-pertandingan akhir Bakat Kanak2 yang di-anjorkan bersama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Siaran ka-Sekolah2. Saya di-beritahu ini adalah pertama kali pertandingan serupa ini di-adakan dan hasil daripada pertandingan2 ini akan di-siarkan dengan chara bersiri semasa chuti penggal yang panjang di-penghujung tahun ini. Saya sukalah menyampaikan ucapan tahniah kepada penganjor2 Bakat Kanak2 ini.

Perkataan bakat amatlah kerap di-gunakan pada masa yang akhir2 ini. Saya merasa amat bangga bahawa sedang negara kita sebok menjalankan berbagai2 usaha pembangunan, usaha2 yang pesat ada juga di-jalankan untuk menchongkil kebolehan anak2 muda negara ini, khas-nya murid2 sekolah. Ini amatlah mustahak. Bakat atau pun kebolehan istimewa yang ada pada sa-saorang itu perlu di-chongkil kalau tidak ia-nya akan hilang di-tinggalkan zaman. Dengan hal yang demikian, negara juga yang akan mendapat kerugian.

2/..

Saya akui bahawa Kementerian saya pada masa ini menggalakkan murid2 supaya menumpukan tenaga mereka terhadap Sains dan Teknologi. Ini memanglah tidak dapat di-sangkal lagi. Kita perlukan pembangunan dari segi ekonomi dan kemasharakatan. Oleh itu Sains dan Teknologi adalah satu daripada jalan2 kita menuju matalamat ini.

Walau pun begitu, saya adalah orang yang penghabisan sekali hendak menggalakkan murid2 menumpukan tenaga mereka terhadap Sains dan Teknologi seratus peratus. Saya tidak mahu murid2 menumpukan segala tenaga dan minat mereka terhadap Sains dan Teknologi seratus peratus, kerana perbuatan seperti itu akan mengujudkan manusia robot - manusia jentera yang tidak mempunyai perasaan dan perikemanusiaan.

Oleh hal yang demikian, saya menyambut baik usaha2 seperti mengadakan pertandingan2 menchungkil bakat semasa anak2 maseh kechil lagi.

Saya tertarek hati dengan kata2 yang di-sebutkan oleh Ketua Siaran ka-Sekolah2 tadi. Pertandingan Bakat Kanak2 ini di-jalankan seluruh-nya dalam Bahasa Malaysia dan ia-nya terbuka kepada semua jenis sekolah. Daripada 600 kanak2 yang memasoki pertandingan ini, tidak kurang daripada 40% adalah terdiri daripada murid2 bukan Melayu. Lebih kurang 40% daripada pemenang2 di-perengkat akhir adalah terdiri daripada murid2 bukan Melayu.

Daripada peristiwa ini, bolehlah kita buat satu rumusan di-perengkat anak2 yang di-lahirkan salepas zaman penjajahan, mereka tidak lagi berfikir bahawa mereka itu keturunan Melayu, China, India, Pakistan, Ceylon atau lain2. Peristiwa ini sudah menjadi bukti bahawa Bahasa Malaysia, ia-itu Bahasa Kebangsaan kita sudah menjadi alat yang sebenar2-nya bagi mengujudkan raayat Malaysia yang tulin, bertutur dan menulis satu Bahasa, bekerja dengan satu tujuan dan minat - membena negara Malaysia yang kuat dan kukoh.

Kita yang sudah dewasa, ia-itu ibu bapa yang telah kenal apakah dia penjajahan, mempunyai berbagai2 tanggapan dan pengertian mengenai pembenaan satu negara Malaysia. Ini sudah semesti-nya kerana kita telah hidup lama dan melalui berbagai2 pengalaman. Ada di-antara pengalaman2 itu sudah sehati dengan darah daging kita. Hanya orang2 dewasa yang dapat memandang jauh sahaja yang boleh menukarkan fikiran dan sikap-nya kepada satu sikap yang menimbulkan konsep bahawa masa depan Malaysia terletak di-dalam tangan anak2 sekarang yang di-didek melalui satu Bahasa ia-itu Bahasa Malaysia.

Saya berseru kepada semua ibu bapa di-Malaysia, supaya jangan merasa churiga. Masa depan anak2 mereka terjamin. Perlembagaan negara kita menentukan segala jaminan terhadap hak seluruh raayat Malaysia.

Dalam konteks ini saya suka megeshorkan ibu bapa melawat sekolah2 rendah di-negara ini, khas-nya Sekolah2 Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris yang sekarang ini terdapat ramai murid2 berbilang kaum. Saksikan darjah2 dua dan satu yang telah belajar melalui Bahasa Malaysia sabagai Bahasa Pengantar-nya. Berhubong dengan perkara ini guru2 besar haruslah mengadakan satu hari terbuka dalam mana pertunjukan atau demonstrasi darjah2 ini di-bukakan kapada orang ramai.

Saya yakin dan perchaya, orang ramai akan bukan sahaja membuka mata mereka, tetapi mata hati-nya.

Dengan ini, saya dengan sukachita-nya membuka dengan rasmi-nya Pertandingan Bakat Kanak2 di-Sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang.



Dalam konteks ini saya akan menyerahkan ibu bapa
 melawat sekolah rendah di-negeri ini, khas-nya sekolah
 rendah jenis Kebangsaan Inggeris yang sekiranya ini
 terdapat ramai murid berpindah kaum. Sekaikan darjah
 dua dan satu yang telah belajar melalui Bahasa Malaysia
 sebagai Bahasa Pengantar-nya. Berhubung dengan perkara
 ini guru besar harulah mengadakan satu hari terbuka
 dalam mana pertunjukkan atau demonstrasi darjah ini
 di-bukakan kepada orang ramai.
 Saya yakin dan percaya, orang ramai akan bukan
 sahaja membuka mata mereka, tetapi mata hati-nya.
 Dengan ini, saya dengan sukacita-nya membuka
 dengan rami-nya pertandingan Bakat Kanak di-ekitar
 Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang.



No. Siri	80
No. Penerimaan	80/80